



Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN SISWAZAH) 2021

 [www.ukm.my/pusatsiswazah/](http://www.ukm.my/pusatsiswazah/)

 [pusatsiswazahukm](https://www.facebook.com/pusatsiswazahukm)

 [pusatsiswazahukm](https://www.instagram.com/pusatsiswazahukm)

# PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN SISWAZAH) **2021**



**PERATURAN-PERATURAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(PENGAJIAN SISWAZAH) 2021**

**Program Sarjana dan Kedoktoran**

Edisi semakan 2021

Cetakan pertama 2021

Hak Cipta Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Siswazah UKM terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
PUSAT SISWAZAH  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E, Malaysia  
Tel: 03-89213100/5162  
Laman web: [www.ukm.my/pusatsiswazah](http://www.ukm.my/pusatsiswazah)

Dicetak di Malaysia oleh  
UKM Cetak Sdn. Bhd  
Tel: 03-89215371/3072, Faks: 03-89201945

Perpustakaan Negara Malaysia    Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

1. Peraturan siswazah
2. Pengajian siswazah

# KANDUNGAN

## Peraturan

### **BAHAGIAN I : PERMULAAN** 6

1. Nama 6
2. Tafsiran 6

### **BAHAGIAN II : SYARAT KEMASUKAN** 10

3. Syarat penerimaan masuk program sarjana 10
4. Syarat penerimaan masuk program kedoktoran 10
5. Syarat Keperluan Bahasa Inggeris 11

### **BAHAGIAN III : PENGAJIAN** 13

6. Mod Pengajian 13
7. Tempoh Pengajian 13
8. Tambah masa pengajian 14
9. Bentuk pendaftaran 15
10. Pertukaran mod pengajian 16
11. Pertukaran program/bidang pengkhususan dalam dan antara Fakulti/Institut 17
12. Syarat pemastautinan 18
13. Syarat keperluan Bahasa Melayu 18
14. Syarat keperluan Bahasa Arab 18
- 14A Syarat keperluan penerbitan bagi pelajar mod penyelidikan 19

### **BAHAGIAN IV : PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN** 21

15. Permohonan 21
16. Pendaftaran pelajar baharu 21
17. Penangguhan pendaftaran masuk pelajar baharu 21
18. Pendaftaran pelajar sedia ada 22
19. Penangguhan pengajian pelajar sedia ada 22
- 19A Penangguhan khas pengajian 23
20. Pendaftaran bagi pelajar sedia ada yang telah menyerahkan disertasi/tesis atau yang masih belum melengkapkan keperluan program 24
21. Bayaran 24

<b>BAHAGIAN V : KERJA KURSUS, PENYELIDIKAN DAN PENYELIAAN</b>	<b>25</b>
22. Pendaftaran kursus	25
23. Beban kerja kursus	25
24. Keperluan program atau kursus	26
25. Penyelidikan	27
26. Tambah kursus, gugur kursus dan tarik diri	27
27. Pemindahan kredit	28
28. Pengecualian kursus	29
29. Disertasi/Tesis	30
30. Serahan disertasi/tesis	32
31. Bentuk disertasi/tesis	32
32. Penasihat Akademik	33
33. Penasihat Industri	33
34. Penyeliaan pelajar mod penyelidikan, mod campuran dan mod klinikal	33
<b>BAHAGIAN VI : PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN</b>	<b>36</b>
35. Peperiksaan dan penilaian bagi program sarjana	36
36. Penilaian bagi program kedoktoran	37
37. Keputusan peperiksaan lisan	38
38. Pemeriksa Luar	39
39. Pemeriksa Dalam	40
40. Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah	40
41. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis	41
42. Penilaian kursus	42
43. Penilaian kemajuan penyelidikan	45
44. Penangguhan peperiksaan	45
45. Mengulang kursus atau pengajian atau menduduki peperiksaan ulangan khas	46
46. Penukaran daripada program sarjana ke program kedoktoran	46
47. Peperiksaan Komprehensif	47
<b>BAHAGIAN VII : RAYUAN</b>	<b>48</b>
48. Rayuan untuk semak semula keputusan peperiksaan akhir kursus	48
49. Rayuan untuk semak semula keputusan Peperiksaan Lisan disertasi/tesis	48
50. Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi pelajar di bawah subperaturan 6(b) dan 6(c)	49
51. Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi pelajar di bawah subperaturan 6(a)	50
52. Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi pelajar di bawah subperaturan 6(d)	51

<b>BAHAGIAN VIII : SALAH LAKU PENYELIDIKAN</b>	<b>52</b>
53. Salah laku penyelidikan	52
<b>BAHAGIAN IX : SYARAT PENGURNIAAN IJAZAH</b>	<b>53</b>
54. Syarat pengurniaan ijazah	53
<b>BAHAGIAN X : AM</b>	<b>55</b>
55. Pemberhentian pelajar	55
56. Pelajar Tanpa Ijazah	55
57. Garis Panduan	55
58. Pemakaian	56
59. Permulaan kuatkuasa	56
60. Kuasa Senat	56
61. Naskah sahah	56
62. Pemansuhan	56

## BAHAGIAN I PERMULAAN

### Nama

- (1) Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021**.
- (2) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mendaftar sesuatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-peraturan ini.

### Tafsiran

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain -

“bayaran” ertinya apa-apa yuran dan pembayaran lain yang dikenakan oleh Universiti kepada pelajar bagi suatu program;

“CEFR” ertinya *The Common European Framework of Reference*;

“disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana secara penyelidikan dan/atau mod campuran;

“disertasi/tesis format kompilasi” ertinya penulisan disertasi/tesis yang merupakan gabungan artikel-artikel yang telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan seperti yang diperinci dalam syarat penulisan disertasi/tesis format kompilasi dalam Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis Kompilasi;

“IELTS” ertinya *International English Language Testing System* yang ditawarkan oleh British Council.

“Ijazah Kedoktoran” ertinya suatu pengijazahan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat program Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Klinikal, Ijazah Doktor Kesihatan Masyarakat, Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Doktor Pergigian Klinikal atau Ijazah Kedoktoran lain yang setara dengannya;

“Ijazah Sarjana” ertinya pengijazahan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Klinikal, Ijazah Doktor Pakar, Ijazah Doktor Pergigian Klinikal, Ijazah Sarjana Klinikal Lanjutan atau Ijazah Sarjana lain yang setara dengannya;

“Jabatan” artinya mana-mana Jabatan atau Pusat Pengajian yang ditubuhkan di dalam Fakulti/Institut untuk mengendalikan sesuatu program;

“Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah” artinya suatu jawatankuasa yang terdiri daripada Dekan/Pengarah atau wakilnya, Ketua Program Siswazah (jika berkenaan) dan Penyelaras Program Siswazah (jika berkenaan) untuk menimbang dan memperakukan keputusan peperiksaan pelajar selain di bawah subperaturan 6(a);

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah” artinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti/Institut untuk menguruskan program Fakulti/Institut yang terdiri daripada Dekan/Pengarah atau wakilnya, selaku Pengerusi, Pengerusi Pusat/Ketua Jabatan dan Ketua Program Siswazah (jika berkenaan);

“Jawatankuasa Peperiksaan Lisan” artinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menilai, menimbang dan memperakukan keputusan pemeriksaan disertasi/tesis dan peperiksaan lisan pelajar;

“Jawatankuasa Penyeliaan” artinya suatu jawatankuasa yang terdiri daripada seorang staf akademik Universiti yang dilantik sebagai Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua ahli lain sebagai ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar;

“Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis” artinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang rayuan terhadap keputusan penilaian peperiksaan lisan;

“kampus” artinya tempat pengajian yang diiktiraf oleh Senat;

“Ketua Program” artinya seseorang staf akademik yang dilantik oleh Universiti bagi menyelaras sesuatu program;

“kredit” artinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian;

“kursus” artinya sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan di dalam syarat program pengajian;

“mod kerja kursus” artinya suatu program pengajian yang memfokus kepada kerja kursus;

“mod campuran” artinya suatu program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan penyelidikan;

“mod klinikal” artinya suatu program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan praktikum atau kerja klinikal serta kajian kes dan/atau penyelidikan;



“mod penyelidikan” ertinya suatu program pengajian yang memfokuskan kepada penyelidikan;

“MUET” ertinya *Malaysian University English Test* yang ditawarkan Majlis Peperiksaan Malaysia;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti pengajian siswazah di Universiti bagi suatu program;

“pelajar tanpa ijazah” ertinya pelajar yang mendaftar untuk mengikuti kursus prasyarat sebelum mendaftar sebagai pelajar program sarjana atau kedoktoran; atau pelajar luar yang mendaftar dan mengikuti satu atau sebahagian kursus yang terdapat dalam program sarjana atau kedoktoran;

“Pemeriksa Dalam” ertinya seorang staf akademik Universiti yang dilantik oleh Fakulti/ Institut untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seseorang pelajar;

“Pemeriksa Luar” ertinya seseorang staf akademik atau pakar bidang dari luar Universiti yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seorang pelajar;

“pemohon” ertinya calon yang memohon untuk mengikuti mana-mana program pengajian siswazah yang ditawarkan oleh Universiti;

“Penasihat Akademik” ertinya seseorang staf akademik dari Fakulti/Institut yang dilantik untuk membimbing pelajar dalam pengambilan kursus dan memantau kemajuan pelajar;

“Penasihat Industri” ertinya seseorang di luar Universiti yang berkepakaran dan dilantik untuk membimbing dan membantu pelajar dalam bidang yang tertentu;

“penyelia” ertinya seseorang staf akademik Universiti atau staf akademik dari luar Universiti atau pakar dari luar Universiti yang dilantik untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar yang boleh terdiri daripada Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan seperti dinyatakan di bawah Peraturan 34;

“Penyelia Utama” ertinya seseorang staf akademik Universiti yang dilantik secara individu atau untuk mengetuai kumpulan dua orang penyelia atau lebih untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar;

“Penyelia Bersama” ertinya seseorang staf akademik Universiti atau staf akademik dari luar Universiti atau pakar dari luar Universiti yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia Utama (jika berkenaan) untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar;

“penyiaran keputusan rasmi” ertinya keputusan peperiksaan yang diberikan melalui surat atau yang boleh dicapai dalam talian atau apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Universiti;

“Peperiksaan Komprehensif” ertinya peperiksaan keseluruhan bidang ilmu yang utama dan sampingan yang telah diikuti oleh pelajar;

“Peperiksaan Lisan” ertinya peperiksaan untuk pelajar mempertahankan hasil kajian disertasi/tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan;

“program” ertinya struktur pengajian Ijazah Sarjana atau Kedoktoran dalam bidang pengkhususan tertentu;

“program Kerja Kursus Secara Bermodul” ertinya program yang memfokus kepada kerja kursus dan dilaksanakan dalam bentuk bermodul;

“satu tahun pengajian” ertinya tempoh yang mengandungi tiga (3) semester yang terdiri daripada dua (2) semester panjang dan satu (1) semester pendek, dengan tempoh masa tujuh belas (17) minggu bagi semester panjang dan tempoh masa sembilan (9) minggu bagi semester pendek atau dua (2) semester panjang dengan tempoh minimum empat puluh dua (42) minggu;

“semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi yang ditetapkan oleh Senat;

“Senat” ertinya Senat Universiti Kebangsaan Malaysia;

“sesi” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“staf akademik” ertinya seorang yang dilantik sebagai tenaga pengajar di universiti dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor;

“tempoh lazim” ertinya jangka masa biasa yang ditawarkan oleh sesuatu mod program pengajian;

“tesis” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran mod penyelidikan dan mod campuran;

“TOEFL” ertinya *Test of English as a Foreign Language* yang ditawarkan oleh Educational Testing Services International;

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

## BAHAGIAN II

### SYARAT KEMASUKAN

#### Syarat penerimaan masuk program Sarjana

3. (1) Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program sarjana hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - (a) Ijazah Sarjana Muda dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang baik dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara, atau institusi yang mempunyai akreditasi seperti mana yang ditetapkan oleh sesuatu program; atau
  - (b) Ijazah Doktor Perubatan atau Doktor Pergigian dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi atau ijazah yang setaraf dengannya dari mana-mana institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
  - (c) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperolehi melalui Akreditasi Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APPT); atau
  - (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh program (jika berkenaan); dan
  - (e) memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- (2) Rayuan pertimbangan semula kemasukan ke program sarjana boleh dikemukakan kepada Fakulti/Institut yang dipohon dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan diterima.

#### Syarat penerimaan masuk program Kedoktoran

4. (1) Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program kedoktoran hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - (a) Ijazah Sarjana dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara, atau institusi yang mempunyai akreditasi seperti mana yang ditetapkan oleh sesuatu program; atau

- (b) kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana atau mempunyai kelayakan lain dengan pengalaman yang diiktiraf oleh Senat; atau
  - (c) pelajar yang sedang mengikuti program sarjana di bawah subperaturan 6(a) secara sepenuh masa di Universiti dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk menukar status kepada program kedoktoran dengan kelulusan Dekan/Pengarah; atau
  - (d) Ijazah Sarjana Muda dengan memperoleh keputusan cemerlang dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi tertakluk kepada ketetapan Fakulti/Institut dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara; atau
  - (e) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui Akreditasi Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APPT); atau
  - (f) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh program (jika berkenaan); dan
  - (g) memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- (2) Rayuan pertimbangan semula kemasukan ke program kedoktoran boleh dikemukakan kepada Fakulti/Institut yang dipohon dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan diterima.

### **Syarat keperluan Bahasa Inggeris**

5. (1) Pelajar antarabangsa hendaklah memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dengan mendapat keputusan IELTS atau TOEFL atau MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada The Common European Framework of Reference (CEFR) yang memenuhi syarat skor atau band minimum yang ditetapkan oleh program masing-masing dan diluluskan oleh Senat.
- (2) Pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris boleh diberikan Tawaran Bersyarat seperti berikut:
- (a) pelajar dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di UKM dengan had tempoh masa selama dua (2) tahun maksimum dan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa; dan

- (b) pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman perlu menduduki peperiksaan IELTS atau TOEFL atau MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diajarkan kepada CEFR bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.
- (3) Senarai peperiksaan yang telah diajarkan kepada CEFR adalah tertakluk kepada senarai yang mendapat kelulusan Senat dari semasa ke semasa.
- (4) Fakulti/Institut boleh memberi pengecualian kepada syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1) dan 5(2) kepada:
  - (a) pelajar antarabangsa yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi; atau
  - (b) pelajar antarabangsa yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di UKM.

## BAHAGIAN III

### PENGAJIAN

#### Mod pengajian

6. Tertakluk kepada Senat dan penawaran program pengajian, mod pengajian untuk program sarjana atau kedoktoran adalah seperti yang berikut:
  - (a) mod penyelidikan;
  - (b) mod kerja kursus;
  - (c) mod campuran;
  - (d) mod klinikal.

#### Tempoh pengajian

7. (1) Tempoh pengajian bagi program sarjana, di bawah subperaturan 6(a) adalah seperti berikut:
  - (a) bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim adalah dua (2) tahun dan tempoh maksimum adalah tiga (3) tahun;
  - (b) bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim adalah tiga (3) tahun dan tempoh maksimum adalah empat (4) tahun;
  - (c) walau bagaimanapun, pelajar yang cemerlang boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 7(1)(a) dan 7(1)(b) tertakluk kepada tempoh minimum satu (1) tahun, setelah memenuhi keperluan program, syarat penerbitan dan syarat-syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut dan Peraturan-peraturan ini.
- (2) Tempoh pengajian bagi program sarjana, di bawah subperaturan 6(b) dan 6(c) adalah seperti berikut:
  - (a) bagi pengajian sepenuh masa tempoh lazim hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan tempoh maksimum tidak boleh melebihi sekali ganda tempoh lazim yang ditawarkan program;

- (b) bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim adalah dua (2) tahun dan tempoh maksimum adalah empat (4) tahun.
- (3) Tempoh pengajian bagi program sarjana/kedoktoran, di bawah subperaturan 6(d) adalah minimum empat (4) sesi akademik dan maksimum tujuh (7) sesi akademik secara sepenuh masa sahaja.
- (4) Tempoh pengajian bagi program kedoktoran adalah seperti berikut:
  - (a) bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim adalah tiga (3) tahun dan tempoh maksimum adalah enam (6) tahun;
  - (b) bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim adalah empat (4) tahun dan tempoh maksimum adalah tujuh (7) tahun;
  - (c) walau bagaimanapun, pelajar yang cemerlang boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 7(4)(a) dan 7(4)(b) tertakluk kepada tempoh minimum dua (2) tahun, setelah memenuhi keperluan program, syarat penerbitan dan syarat-syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut dan Peraturan-peraturan ini.
- (5) Pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian boleh memohon tambah masa pengajian tertakluk kepada peraturan 8.
- (6) Pelajar yang tidak memohon tambah masa boleh diberhentikan kerana tamat tempoh pengajian.
- (7) Pelajar bagi program kedoktoran yang menamatkan pengajian dengan jayanya dalam tujuh (7) semester atau 42 bulan dihitung dari tarikh pendaftaran hingga tarikh tamat pengajian yang diluluskan Senat, dianggap sebagai bergraduasi dalam masa yang ditetapkan (GOT).
- (8) Pelajar yang terkesan akibat bencana/krisis luar jangka dan luar kawalan boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk diberi penambahan satu (1) semester kepada pengiraan kriteria merit akademik seperti yang disebut di dalam subperaturan 7(7) dan subperaturan 46(2).

### **Tambah masa pengajian**

- 8. (1) Pelajar boleh membuat permohonan tambah masa pengajian bagi tiga (3) semester sebelum mencapai tempoh maksimum pengajian secara bertulis kepada Dekan/Pengarah.

- (2) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 8(1), pelajar boleh memohon tambahan masa satu (1) semester sahaja tertakluk kepada keputusan Senat.
- (3) Pelajar yang tempoh pengajiannya melebihi bilangan tahun maksimum termasuk tambahan masa yang disebut dalam subperaturan 8(1) dan 8(2) boleh diberhentikan.
- (4) Pelajar yang menangguh pengajian dalam tempoh tambah masa tertakluk kepada syarat penangguhan pengajian yang disebut dalam peraturan 19.

### **Bentuk pendaftaran**

9. (1) Pelajar warganegara selain daripada pelajar yang dinyatakan dalam subperaturan 7(3) dibenarkan untuk memilih sama ada untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa dan dikira dari tarikh pendaftarannya yang pertama sehingga tamat pengajian.
- (2) Pelajar program sarjana/kedoktoran yang disebut dalam subperaturan 6(d) hanya dibenarkan untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa sahaja.
- (3) Hanya pelajar warganegara boleh memohon kepada Dekan/Pengarah, untuk menukar status pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya, bagi program yang berkaitan, tertakluk kepada syarat seperti berikut:
  - (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian; dan
  - (b) permohonan tidak boleh dibuat selepas tempoh masa maksimum pengajian tamat; dan
  - (c) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula.
- (4) Pelajar antarabangsa hendaklah mendaftar dan mengikuti semua program pengajian secara sepenuh masa sahaja, mulai dari tarikh pendaftaran yang pertama sehingga tamat pengajian.
- (5) Ekspatriat yang sedang berkhidmat di Malaysia dibenar untuk melanjutkan pengajian secara separuh masa tertakluk kepada peraturan berikut:
  - (i) Ekspatriat tersebut berada di Malaysia menggunakan Pas Pengajian;



- (ii) Ekspatriat perlu memohon kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan kebenaran belajar menggunakan Pas Pengajian sebelum mendaftar sebagai pelajar separuh masa;
- (iii) Sekiranya kontrak ekspatriat/pekerja tamat atau ditamatkan, ekspatriat perlu memohon Pas Pelajar daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan menukar bentuk pengajian ke sepenuh masa;
- (iv) Sebarang perubahan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.

### **Pertukaran mod pengajian**

10. Pelajar yang mengikuti program pengajian di bawah sesuatu mod boleh memohon untuk menukar kepada mod lain tertakluk kepada syarat berikut:
- (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
  - (b) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula;
  - (c) permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti;
  - (d) syarat kelayakan masuk mod baharu dipenuhi;
  - (e) Peraturan 27 dan 28 adalah terpakai untuk sebarang pemindahan kredit dan pengecualian kursus; dan
  - (f) jika pertukaran mod pengajian berlaku daripada mod 6(a) ke mod 6(b)/(c) atau sebaliknya, tempoh pengajian sebelum pertukaran mod pengajian tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan dan tertakluk kepada tempoh lazim pengajian baharu bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah;
  - (g) walau bagaimanapun, jika pertukaran mod berlaku daripada mod 6(b) ke mod 6(c) atau sebaliknya, tempoh pengajian sebelum pertukaran mod akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah.

## **Pertukaran program/bidang pengkhususan dalam dan antara Fakulti/Institut**

11. (1) Pelajar yang mengikuti sesuatu program/bidang pengkhususan di sesuatu Fakulti/ Institut boleh memohon untuk menukar kepada program/bidang pengkhususan yang baharu dan berlainan di Fakulti/Institut yang lain atau sama tertakluk kepada syarat berikut:
  - (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
  - (b) permohonan hendaklah memenuhi syarat kemasukan program baharu;
  - (c) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah kedua-dua Fakulti/Institut atau mana-mana yang terlibat dalam tempoh dua (2) semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti;
  - (d) Peraturan 27 dan 28 adalah terpakai untuk sebarang pemindahan kredit dan pengecualian kursus; dan
  - (e) jika pertukaran berlaku di antara Fakulti/Institut yang berlainan, tempoh pengajian sebelum pertukaran ke program/bidang pengkhususan baharu tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan dan tertakluk kepada tempoh lazim pengajian baharu bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah;
  - (f) walau bagaimanapun, jika pertukaran berlaku dalam Fakulti/Institut yang sama, tempoh pengajian sebelum pertukaran ke program/bidang pengkhususan baharu boleh tidak diambil kira dan boleh juga diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah. Bagi tujuan ini, pengesahan daripada Fakulti/Institut diperlukan seperti berikut:
    - (i) tempoh pengajian sebelum pertukaran diambil kira jika kandungan silibus kerja kursus/projek penyelidikan adalah setara; atau
    - (ii) tempoh pengajian sebelum pertukaran tidak diambil kira jika kandungan silibus kerja kursus/projek penyelidikan adalah sepenuhnya berlainan daripada yang sebelumnya.
- (2) Pelajar antarabangsa yang telah mendapat kelulusan pertukaran bidang pengkhususan perlu memaklumkan kepada pejabat pengurusan visa di Universiti untuk mendapatkan pertukaran pas pelajar.

### **Syarat permastautinan**

12. (1) Pelajar hendaklah berada secara fizikal di kampus dengan tempoh kumulatif minimum SATU (1) semester sepanjang tempoh pengajian.
- (2) Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/ Pengarah untuk dikecualikan daripada syarat dalam subperaturan 12(1). Permohonan hendaklah dibuat dalam mana-mana semester sebelum pelajar menamatkan pengajian. Bagi perkara ini, pelajar perlu mendapatkan pengesahan sekurang-kurangnya daripada Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bahawa pelajar tiada keperluan untuk hadir secara fizikal ke kampus sepanjang tempoh pengajian.
- (3) Subperaturan 12(1) dan 12(2) boleh dikecualikan untuk program tertentu yang diluluskan oleh Senat.

### **Syarat keperluan Bahasa Melayu**

13. (1) Pelajar antarabangsa hendaklah mengikuti kursus Bahasa Melayu sebagai kursus Audit (U) untuk layak dikurniakan ijazah sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Walaubagaimanapun, pelajar boleh memohon secara bertulis kepada pengendali kursus Bahasa Melayu Universiti dalam tempoh dua (2) semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti untuk dikecualikan daripada perkara yang disebut dalam subperaturan 13(1) tertakluk kepada syarat seperti berikut:
  - (a) pelajar telah mengikuti kursus Bahasa Melayu yang setara anjuran pihak lain yang diluluskan oleh Senat dan lulus kursus tersebut; dan
  - (b) pelajar telah mengambil ujian kecekapan Bahasa Melayu dan melepasi tahap yang ditetapkan.
- (3) Dalam kes tertentu, Senat boleh memberi pengecualian syarat keperluan Bahasa Melayu.

### **Syarat keperluan Bahasa Arab**

14. (1) Pelajar bagi bidang pengkhususan tertentu hendaklah menduduki dan lulus ujian kelayakan Bahasa Arab.

- (2) Pelajar yang gagal ujian di bawah subperaturan 14(1) hendaklah mengikuti dan lulus Kursus Bahasa Arab Pengukuhan yang ditentukan oleh Fakulti/Institut yang berkenaan.
- (3) Dalam kes tertentu, Senat boleh memberi pengecualian syarat keperluan Bahasa Arab.

### **Syarat keperluan penerbitan bagi pelajar mod penyelidikan**

- 14A. (1) Pelajar mod 6(a) hendaklah memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut dan diluluskan oleh Senat bagi memenuhi syarat pengurniaan ijazah.
- (2) Penerbitan pelajar yang diambil kira sebagai syarat pengurniaan ijazah hendaklah memenuhi kriteria berikut:
  - (a) penerbitan adalah berkaitan bidang penyelidikan pelajar; dan
  - (b) penerbitan hendaklah dalam tempoh pengajian pelajar; dan
  - (c) penerbitan pelajar hendaklah bersama-sama penyelia Universiti;
- (3) Penerbitan yang dikongsi sama oleh beberapa orang pelajar Universiti hendaklah mendapat pengesahan Dekan/Pengarah bahawa penerbitan tersebut berkaitan bidang penyelidikan pelajar.
- (4) Paten hasil penyelidikan pelajar yang telah difailkan boleh diterima sebagai salah satu syarat penerbitan. Pemfailan paten tersebut hendaklah:
  - i) Mendapat pengesahan Dekan/Pengarah bahawa pemfailan paten tersebut berkaitan bidang penyelidikan pelajar; dan
  - ii) berstatus "difailkan" dan mempunyai nombor pemfailan paten.
- (5) Fakulti/Institut boleh memberi masa maksimum dua belas (12) bulan bagi pelajar melengkapkan syarat penerbitan selepas tarikh penghantaran salinan keras Disertasi/Tesis yang telah dibetulkan dan mendapat pengesahan daripada penama yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- (6) Tempoh maksimum dua belas (12) bulan ini adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian. Maka, pelajar yang diberikan tempoh ini dan pada masa yang sama telah mencapai tempoh maksimum pengajian hendaklah memohon tambah masa pengajian.

- (7) Pelajar yang tidak melengkapkan syarat penerbitan selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 14A(6) tersebut adalah dianggap "Gagal dan Tidak Layak Dianugerahkan Ijazah".

## BAHAGIAN IV

### PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN

#### Permohonan

15. (1) Setiap permohonan hendaklah melalui tatacara yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Setiap permohonan yang diterima daripada pemohon, hendaklah dirujuk kepada Fakulti/Institut berkenaan untuk pemilihan.
- (3) Pemohon yang pernah gagal atas sebab akademik dalam pengajian yang ditawarkan Universiti sebelum ini tidak dibenarkan memohon-
  - (a) program dalam mod yang sama; atau
  - (b) program dalam bidang pengkhususan yang sama.

#### Pendaftaran pelajar baharu

16. (1) Pemohon yang diterima masuk hendaklah mendaftar diri dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Pemohon tidak dibenarkan mendaftar selepas empat (4) minggu semester/sesi bermula kecuali bagi calon pengajian mod penyelidikan sahaja.
- (3) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 16(1) dan 16(2), pemohon boleh memohon untuk menangguhkan pendaftaran seperti di bawah Peraturan 17.

#### Penangguhan pendaftaran masuk pelajar baharu

17. (1) Pemohon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon menangguh pendaftaran masuk untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester.
- (2) Semua permohonan penangguhan pendaftaran masuk hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pusat Pengurusan Akademik Universiti.
- (3) Pemohon yang telah diterima masuk tetapi gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 17(1) adalah dianggap menolak tawaran dan tawaran akan terbatal.

### **Pendaftaran pelajar sedia ada**

18. (1) Pelajar sedia ada hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester/sesi bermula.
- (2) Pelajar sedia ada yang tidak mendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas semester/sesi bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan/Pengarah akan diberikan status "Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar".
- (3) Pelajar yang telah diberhentikan di bawah subperaturan 18(2) boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk meneruskan semula pengajian dengan syarat tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut dan dikenakan bayaran proses permohonan dan bayaran denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan oleh Universiti.
- (4) Tempoh tidak mendaftar dalam subperaturan 18(3) akan dikira sebagai tempoh tangguh pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan.

### **Penangguhan pengajian pelajar sedia ada**

19. (1) Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian berdasarkan sebab yang munasabah dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan.
- (2) Penangguhan pengajian boleh dibenarkan untuk tempoh minimum satu (1) semester dan tidak melebihi empat (4) semester sepanjang tempoh pengajian bagi mod 6(a) - (c).
- (3) Bagi pelajar di bawah mod 6(d), penangguhan pengajian hanya dibenarkan untuk tempoh minimum satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian.
- (4) Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 19(2) dan 19(3), pelajar boleh memohon tambahan satu (1) semester sahaja untuk penangguhan pengajian tertakluk kepada kelulusan Senat.
- (5) Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan Universiti.

- (6) Pelajar antarabangsa yang menangguh pengajian hendaklah membatalkan pas pelajar dan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.
- (7) Pelajar yang mengikuti program sarjana kerja kursus secara bermodul tidak dibenarkan untuk menangguhkan pengajian.
- (8) Semua permohonan untuk menangguhkan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah selewat-lewatnya empat (4) minggu daripada tarikh semester/sesi bermula.
- (9) Bagi pelajar yang telah mendaftar, Fakulti/Institut boleh memberi kelulusan penangguhan pengajian selepas tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 19(8) namun hendaklah sebelum tarikh peperiksaan/ penilaian semester bermula.
- (10) Pelajar yang tidak memohon penangguhan atau gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 19(8) boleh diberhentikan dari pengajian dan subperaturan 18(2) dan 18(3) adalah terpakai secara bersama.

### **Penangguhan khas pengajian**

- 19A. (1) Pemohon yang telah ditawarkan tetapi belum mendaftar dan pelajar sedia ada boleh memohon untuk penangguhan khas pengajian. Penangguhan khas ini tidak akan diambil kira dalam kiraan semester yang dibenarkan untuk tangguh seperti yang disebut di bawah subperaturan 17(1), 19(2) dan 19(3).
- (2) Syarat-syarat bagi membolehkan pelajar memohon penangguhan khas adalah seperti berikut:
- (a) sekatan kemasukan ke Malaysia oleh Kerajaan Malaysia;
  - (b) sekatan keluar dari negara asal akibat peperangan atau wabak penyakit.
  - (c) bencana/krisis luar jangka dan luar kawalan.
- (3) Semua permohonan untuk penangguhan khas pengajian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester/sesi bermula beserta bukti-bukti yang bersesuaian bagi memenuhi perkara yang dinyatakan di bawah subperaturan 19A(2) tersebut tertakluk maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian.



**Pendaftaran bagi pelajar sedia ada yang telah menyerahkan disertasi/tesis atau yang masih belum melengkapkan keperluan program**

20. (1) Pelajar sedia ada di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) yang telah menyerahkan disertasi/tesis untuk pemeriksaan hendaklah terus mendaftar bagi semester seterusnya dan disertasi/tesis diberi status sebagai “Penyerahan Tesis Untuk Pemeriksaan” sehingga peperiksaan lisan tesisnya selesai atau sehingga lain-lain keperluan program dilengkapkan tanpa dikenakan yuran pengajian.
- (2) Bagi tujuan pengecualian yuran mengikut subperaturan 20(1), penyerahan disertasi/tesis hendaklah selewat-lewatnya sebelum semester berakhir atau tarikh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Pelajar sedia ada di bawah subperaturan 6(b) yang telah melengkapkan keperluan kerja kursus tetapi belum melengkapkan keperluan pengurniaan ijazah yang ditetapkan hendaklah terus mendaftar tanpa dikenakan yuran pengajian tertakluk kepada tempoh pengajian yang ditetapkan di peraturan 7.

**Bayaran**

21. (1) Pelajar hendaklah menjelaskan semua bayaran kepada Universiti pada awal setiap semester/sesi disepanjang tempoh pengajian.
- (2) Pelajar yang gagal menjelaskan apa-apa bayaran di bawah subperaturan 21(1) boleh -
  - (a) disekat keputusan peperiksaannya;
  - (b) tidak dibenarkan mendaftar untuk semester/sesi berikutnya;
  - (c) dikenakan apa-apa tindakan lain yang ditetapkan oleh Universiti.

## **BAHAGIAN V**

### **KERJA KURSUS, PENYELIDIKAN DAN PENYELIAAN**

#### **Pendaftaran kursus**

22. Pelajar hendaklah mendaftar kursus yang ditetapkan oleh program seperti berikut:
- (a) Pendaftaran Wajib iaitu pendaftaran kursus yang diperlukan untuk mendapatkan ijazah. Kursus yang didaftarkan secara wajib akan dimasukkan dalam pengiraan untuk menentukan purata nilai gred (jika berkenaan) bagi pengajian pelajar. Pendaftaran wajib boleh terdiri daripada kursus wajib dan kursus elektif.
  - (b) Pendaftaran Tanpa Gred iaitu pendaftaran kursus secara tanpa gred. Kursus ini tidak akan diambil kira untuk menentukan purata nilai gred. Kursus tanpa gred masih dikira kreditnya dalam menentukan beban kerja kursus pada setiap semester (jika berkenaan).
  - (c) Pendaftaran Audit iaitu pendaftaran kursus yang diikuti secara audit. Kursus ini tidak akan dikira untuk menentukan purata nilai gred dan umumnya tidak diambil kira sebagai memenuhi keperluan program untuk mendapatkan ijazah kecuali dinyatakan sebaliknya. Pelajar yang mengikuti kursus secara audit perlu memenuhi keperluan kursus.

#### **Beban kerja kursus**

23. (1) Seorang pelajar yang mengikuti pengajian selain dinyatakan di bawah subperaturan 6(a) dibenarkan untuk mendaftar jumlah kursus dan kredit seperti berikut:
- (a) bagi pelajar sepenuh masa, minimum dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus hingga maksimum dua puluh (20) kredit atau lima (5) kursus pada setiap satu semester;
  - (b) bagi pelajar separuh masa, tidak melebihi dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus pada setiap satu semester.
- (2) Bagi program sarjana kerja kursus secara bermodul, seorang pelajar dibenarkan untuk mendaftar jumlah kursus dan kredit seperti berikut:
- (a) bagi pelajar sepenuh masa, maksimum empat (4) kredit atau satu (1) kursus (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan hendaklah menyelesaikan kesemua kursus dan projek/disertasi dalam masa minimum satu (1) tahun pengajian dan maksimum sekali ganda tempoh pengajian sepenuh masa yang diluluskan;

- (b) bagi pelajar separuh masa, maksimum empat (4) kredit atau satu (1) kursus (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan hendaklah menyelesaikan kesemua kursus dalam masa minimum dua (2) tahun pengajian dan maksimum sekali ganda tempoh pengajian separuh masa yang diluluskan;
  - (c) keseluruhan kredit yang diambil sepanjang pengajian adalah minimum empat puluh (40) kredit.
- (3) Bagi program kedoktoran kerja kursus secara bermodul, seorang pelajar dibenarkan untuk mendaftar jumlah kursus dan kredit seperti berikut:
- (a) bagi pelajar sepenuh masa, maksimum enam (6) kredit (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan perlu menyelesaikan kesemua kursus dan projek/disertasi dalam masa tempoh lazim tiga (3) tahun pengajian dan maksimum enam (6) tahun;
  - (b) bagi pelajar separuh masa, maksimum enam (6) kredit (tidak termasuk projek/disertasi) pada satu-satu masa; dan perlu menyelesaikan kesemua kursus dalam masa tempoh lazim empat (4) tahun pengajian dan maksimum tujuh (7) tahun;
  - (c) keseluruhan kredit yang diambil sepanjang pengajian adalah minimum lapan puluh (80) kredit.
- (4) Kursus yang perlu diikuti bagi sesuatu program pengajian hendaklah didaftarkan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh permulaan suatu semester, kecuali pelajar program kerja kursus secara bermodul.
- (5) Bagi program tertentu atau bagi pelajar yang berada dalam semester akhir, Dekan/Pengarah boleh membenarkan pengecualian kepada had minimum dan maksimum pendaftaran kredit, kecuali pelajar program kerja kursus secara bermodul.

### **Keperluan program atau kursus**

24. (1) Pelajar yang mengikuti kursus yang didaftar hendaklah memenuhi keperluan kursus seperti yang ditetapkan oleh program bagi membolehkannya layak menduduki peperiksaan akhir (jika berkenaan).
- (2) Pelajar yang dinyatakan di bawah subperaturan 24(1) yang tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir kerana tidak memenuhi keperluan kursus berkenaan akan diberi gred E.

- (3) Pelajar yang dinyatakan di bawah subperaturan 6(d) yang tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir kerana tidak memenuhi keperluan program atau kursus yang berkenaan adalah dianggap gagal.
- (4) Keputusan peperiksaan pelajar yang memenuhi keperluan kursus dan mengambil peperiksaan sesuatu kursus yang tidak didaftarkan tidak akan diambil kira untuk menentukan purata nilai gred.

### **Penyelidikan**

25. (1) Pelajar boleh melakukan penyelidikan sama ada di Universiti atau secara tindakan/sangkutan di industri/institusi penyelidikan lain yang diiktiraf Universiti.
- (2) Bagi pelajar antarabangsa, subperaturan 25(1) adalah terpakai secara bersama Peraturan 12.

### **Tambah kursus, gugur kursus dan tarik diri**

26. (1) Pelajar boleh menambah dan menggugur kursus dalam tempoh empat (4) minggu pertama dalam setiap satu semester.
- (2) Pelajar boleh menarik diri daripada mengikuti kursus mulai minggu kelima (5) sehingga minggu kesepuluh (10) dengan diberikan gred Tarik Diri (TD) dan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred (jika berkenaan).
- (3) Bagi program kerja kursus secara bermodul:
  - (a) Pelajar boleh mendaftar kursus dalam tempoh 30% pertama penyampaian kandungan kursus dalam setiap satu kursus.
  - (b) Pelajar boleh menggugur kursus dalam tempoh 40% pertama penyampaian kandungan kursus dalam setiap satu kursus.
  - (c) Pelajar dibenarkan untuk menggugurkan kursus selepas 40% sehingga selewat-lewatnya 70% pertama penyampaian kandungan kursus dalam setiap satu kursus dengan mendapat kelulusan Dekan/Pengarah dan pelajar dianggap sebagai menarik diri dan akan diberikan gred TD dan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred (jika berkenaan).
- (4) Pelajar yang telah menarik diri di bawah subperaturan 26(2) dan 26(3)(c) tidak dikecualikan yuran pengajian dan hendaklah menjelaskan bayaran yuran penuh.

- (5) Proses tambah dan gugur kursus hendaklah memenuhi keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil pada setiap satu semester.
- (6) Pelajar yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon menggugurkannya akan diberi gred E bagi kursus itu.

### **Pemindahan kredit**

27. (1) Pemindahan kredit dibenarkan bagi kursus yang setara di dalam program yang mempunyai tahap yang sama (mendatar) mengikut kategori berikut:
  - (a) pelajar yang bertukar program dalam Universiti;
  - (b) pelajar yang berpindah dari universiti luar;
  - (c) pelajar yang telah tamat pengajian dalam sesuatu program yang diiktiraf oleh Senat;
  - (d) berdasarkan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit - APEL (C);
  - (e) pelajar yang terlibat dalam program mobiliti ke luar.
- (2) Bagi semua kategori yang dinyatakan di subperaturan 27(1), pelajar boleh memohon untuk memindahkan kredit yang telah diperolehi tertakluk kepada syarat berikut:
  - (a) gred lulus minimum kursus terlibat yang boleh dipindah kredit ialah Gred B;
  - (b) kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 80%;
  - (c) kursus setara yang telah diambil itu hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.
- (3) Peratusan maksimum pemindahan kredit melalui APEL (C) adalah 30% daripada jumlah kredit sesuatu program pengajian. Penganugerahan kredit APEL (C) untuk program siswazah adalah terhad kepada program kerja kursus dan mod campuran sahaja.
- (4) Tiada had pindah kredit sekiranya pelajar adalah pelajar dalaman Universiti. Namun, jika pengajian diambil di universiti berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat permastautinan yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

- (5) Gred untuk kredit yang dipindahkan akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred bagi kategori yang dinyatakan dalam subperaturan 27(1)(a), (b) dan (e).
- (6) Manakala gred untuk kredit yang dipindahkan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred bagi kategori yang dinyatakan dalam subperaturan 27(1)(c) dan (d). Maka, hanya kredit yang akan diambil kira bagi kategori ini.
- (7) Semua proses pemindahan kredit adalah tertakluk kepada bayaran pemprosesan yang ditetapkan.
- (8) Permohonan untuk pemindahan kredit hendaklah dibuat secara bertulis beserta resit bayaran permohonan kepada Dekan/Pengarah seperti berikut:
  - (a) bagi permohonan subperaturan 27(1)(a-d), selewat-lewatnya minggu keenam (6) pada semester pertama pengajian; dan
  - (b) bagi permohonan subperaturan 27(1)(e), setelah melengkapkan program berkenaan.
- (9)
  - (a) Pemindahan kredit secara menegak dari tahap Sarjana Muda ke Sarjana adalah dibenarkan bagi penawaran Program Integrasi Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dan Sarjana (Tahap 7, MQF).
  - (b) Pemindahan kredit selain daripada perkara 27(9)(i) di atas adalah tidak dibenarkan.
  - (c) Pemindahan kredit Sarjana ke tahap Kedoktoran atau sebaliknya (tinggi ke rendah) adalah tidak dibenarkan.
- (10) Pemindahan kredit juga tidak boleh diberikan kepada kursus daripada program pengajian yang gagal sebelum.

### **Pengecualian kursus**

28. (1) Dalam kes tertentu, Senat boleh memberi pengecualian kursus bagi kursus yang telah diikuti oleh pelajar di Universiti atau universiti luar yang diiktiraf oleh Senat. Kelulusan pengecualian kursus ini adalah tertakluk kepada subperaturan 27(2).
- (2) Gred untuk kursus yang mendapat pengecualian tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred dan tidak akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan.

- (3) Sekiranya pengecualian kursus menyebabkan keperluan kredit pelajar tidak mencukupi, maka pelajar hendaklah mengambil kursus lain bagi mencukupkan kredit.
- (4) Permohonan untuk pengecualian kursus hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh dua (2) semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.

### **Disertasi/Tesis**

29. (1) Dalam penyediaan disertasi/tesis, seorang pelajar hendaklah mematuhi syarat-syarat yang seperti berikut:
  - (a) mengikut format penulisan dan penyediaan disertasi/tesis sebagaimana yang terdapat dalam Panduan Penulisan Disertasi/Tesis Gaya UKM dan Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi (jika berkenaan);
  - (b) tidak mengemukakan disertasi/tesis yang telah diserahkan kepada Universiti atau universiti lain tetapi boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu dengan syarat bahagian karya yang dimasukkan itu dirujuk dengan jelas;
  - (c) disertasi/tesis pelajar hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu;
  - (d) hasil penyelidikan yang ingin diterbitkan hendaklah mendapat persetujuan penyelia atau Jawatankuasa Penyeliaan.
- (2) Walau apapun subperaturan 29(1)(c), disertasi/tesis boleh ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab. Bagi tujuan ini, pelajar boleh memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah di awal permohonan kemasukan Universiti hingga selewat-lewatnya pada semester keempat (4) bagi pelajar program sarjana dan semester keenam (6) pengajian bagi pelajar program kedoktoran.
- (3) Kelulusan menulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab boleh diberikan tertakluk kepada syarat berikut-
  - (a) pelajar antarabangsa;
  - (b) keperluan biasiswa;
  - (c) keperluan majikan;
  - (d) penyelia/ pemeriksa dari luar negara.

- (4) Semua disertasi/tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab mesti didahului dengan abstrak Bahasa Melayu dan diikuti dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab (jika berkenaan).
- (5) Had maksimum disertasi program sarjana mod 6(a) hendaklah tidak melebihi enam puluh ribu (60 000) patah perkataan dan tesis program kedoktoran mod 6(a) tidak boleh melebihi seratus ribu (100 000) patah perkataan.
- (6) Had maksimum disertasi program sarjana mod 6(c) dan 6(d) hendaklah tidak melebihi lima puluh ribu (50 000) patah perkataan dan tesis program kedoktoran mod 6(c) tidak boleh melebihi enam puluh ribu (60 000) patah perkataan.
- (7) Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, rumus, jadual, gambarajah dan sebagainya.
- (8) Had minimum perkataan adalah ditetapkan oleh pihak Fakulti/Institut dan kebenaran menulis disertasi/tesis melebihi had panjang yang telah ditetapkan boleh diperolehi dengan memohon kebenaran kepada Dekan/Pengarah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan disertasi/tesis untuk pemeriksaan.
- (9) Semua disertasi/tesis dan penerbitan mengenai hasil penyelidikan pelajar adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (10) Jawatankuasa Peperiksaan Lisan boleh memberikan status tesis Cemerlang kepada pelajar selepas peperiksaan lisan dijalankan. Tesis bertaraf Cemerlang hanya layak dipertimbangkan kepada pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut:
  - (a) mendapat laporan daripada kedua-dua Pemeriksa Luar & Pemeriksa Dalam yang memperakukan bahawa tesis berkenaan mencapai tahap cemerlang;
  - (b) memenuhi syarat penerbitan minimum yang ditetapkan oleh program;
  - (c) Pelajar perlu menyiapkan dan menyerahkan disertasi/tesis dalam tempoh berikut :
    - (i) Kedoktoran – 8 semester bagi pelajar sepenuh masa, 10 semester bagi pelajar separuh masa;
    - (ii) Sarjana (mod penyelidikan) – 6 semester bagi pelajar sepenuh masa, 8 semester bagi pelajar separuh masa.
  - (d) Pelajar dapat membentangkan hasil kajian dengan baik semasa peperiksaan lisan dijalankan.



### **Serahan disertasi/tesis**

30. (1) Pelajar hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Dekan/Pengarah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan tesis/disertasi untuk pemeriksaan.
- (2) Pelajar yang akan menyerahkan Notis Serahan Tesis/Disertasi untuk tujuan pemeriksaan hendaklah memenuhi keperluan program.
- (3) Pelajar yang akan menyerahkan disertasi/tesis untuk tujuan pemeriksaan hendaklah:
- (a) menyerahkan disertasi/tesis dalam bentuk digital dan bercetak mengikut bilangan yang ditetapkan oleh fakulti/institut;
  - (b) menjelaskan yuran pemeriksaan disertasi/tesis;
  - (c) memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - (d) mendapat pengesahan bebas plagiat daripada Dekan/Pengarah.
- (4) Pelajar yang belum memenuhi syarat penerbitan dibenarkan untuk menghantar tesis bagi tujuan pemeriksaan dan melalui peperiksaan lisan. Pelajar hendaklah mengemukakan bukti manuskrip telah dihantar untuk tujuan penerbitan semasa menyerahkan Notis Serahan Tesis/Disertasi. Notis Serahan Tesis/Disertasi tidak akan diterima tanpa bukti tersebut.
- (5) Pelajar yang telah lulus Peperiksaan Lisan disertasi/tesis dan diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan setelah memenuhi semua syarat yang ditetapkan hendaklah menyerahkan disertasi/tesis dalam bentuk berjilid dan/ atau digital mengikut bilangan salinan naskah yang ditetapkan oleh Universiti kepada Fakulti/Institut.

### **Bentuk Disertasi/Tesis**

31. Disertasi/tesis boleh disediakan sama ada dalam bentuk disertasi/tesis konvensional atau dalam bentuk disertasi/tesis kompilasi. Penyediaan disertasi/tesis bentuk disertasi/tesis kompilasi perlu mendapat kebenaran Fakulti/Institut dan tertakluk kepada Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi.

### **Penasihat Akademik**

32. Fakulti/ Institut boleh melantik Penasihat Akademik untuk membimbing dan menasihati pelajar mengenai pengajiannya.

### **Penasihat Industri**

33. Fakulti/Institut boleh melantik Penasihat Industri untuk membimbing dan membantu pelajar dalam bidang yang tertentu, termasuk penyelidikan.

### **Penyeliaan pelajar mod penyelidikan, mod campuran dan dan mod klinikal**

34. (1) Penyelia bagi pelajar di bawah subperaturan 6(a), 6(c) dan 6(d) boleh terdiri daripada berikut:
- (a) Penyelia Utama; atau
  - (b) kumpulan dua (2) orang penyelia yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama dan seorang Penyelia Bersama; atau
  - (c) Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama sebagai Pengerusi dan lebih seorang Penyelia Bersama sebagai ahli.
- (2) Pelajar program Kedokteran yang mengikuti pengajian mod 6(a) dan 6(c) hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang penyelia dan dua (2) orang penyelia tersebut adalah staf akademik Universiti.
- (3) Pelajar yang mengikuti pengajian mod 6(a) secara laluan industri perlu mempunyai Penyelia Bersama daripada industri tempat pelajar menjalankan penyelidikan.
- (4) Semua penyelia yang dinyatakan dalam subperaturan 34(1 hingga 3) hendaklah dilantik oleh Dekan/Pengarah dan bertanggungjawab untuk menyelia dan membimbing penyelidikan, penulisan disertasi/tesis/laporan projek serta menilai prestasi kemajuan pelajar.
- (5) Penyelia Utama hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:
- (a) Bagi pelajar program sarjana -
    - (i) mempunyai kelayakan Ijazah Kedokteran; atau

- (ii) jika seorang penyelia utama tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan seperti di subperaturan 5(a)(i), penyelia hendaklah mempunyai ijazah sarjana dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan yang berkaitan bidang kepakaran atau pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama/ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
- (b) Bagi pelajar program kedoktoran –
- (i) mempunyai kelayakan Ijazah Kedoktoran dengan sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan yang berkaitan bidang kepakaran atau pernah dilantik sebagai Penyelia Bersama/ahli Jawatankuasa Penyeliaan; atau
  - (ii) jika seorang penyelia utama tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan seperti di subperaturan 5(b)(i), penyelia hendaklah merupakan:
    - a) seorang Profesor Madya atau Profesor Universiti; dan pernah dilantik sebagai Penyelia Utama sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, atau Penyelia Bersama peringkat kedoktoran; atau
    - b) seorang doktor pakar yang mempunyai lima (5) tahun pengalaman penyelidikan dalam bidang kepakaran yang berkaitan; dan pernah dilantik sebagai Penyelia Utama sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, atau Penyelia Bersama peringkat kedoktoran; atau
    - c) Seorang felo utama/ felo kanan yang mempunyai lima (5) tahun pengalaman penyelidikan dalam bidang kepakaran yang berkaitan; dan pernah dilantik sebagai Penyelia Utama sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, atau Penyelia Bersama peringkat kedoktoran.
- (6) Seseorang staf akademik yang dipinjamkan ke tempat lain, berhenti atau bersara dari Universiti, atau staf akademik dari universiti lain, atau individu berkelayakan dari institusi/industri boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
- (7) Seseorang staf akademik yang bercuti sabatikal tidak boleh dilantik (lantikan baru) sebagai Penyelia Utama sepanjang tempoh cuti sabatikal.
- (8) Tertakluk kepada perakuan Senat, Dekan/Pengarah boleh melantik staf akademik yang disebut dalam subperaturan 34(6) sebagai Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.

- (9) Jika penyelia tidak dapat menjalankan tugasnya, maka Dekan/Pengarah hendaklah melantik seorang staf akademik yang lain untuk menjalankan tugas itu bagi suatu tempoh yang dikira perlu.
- (10) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan boleh membuat permohonan penukaran dan/atau penambahan Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah.
- (11) Pelajar boleh membuat permohonan penukaran dan/atau penambahan penyelia dengan syarat pelajar memohon secara bertulis kepada Dekan/Pengarah tidak lewat dari tiga (3) semester untuk program kedoktoran atau dua (2) semester untuk program sarjana selepas pelantikan berkenaan dibuat.
- (12) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah mengemukakan satu Laporan Kemajuan Calon (LKC) kepada Sekretariat/Jawatankuasa Siswazah Fakulti/Institut pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya.

## **BAHAGIAN VI PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN**

35. (1) Penilaian pelajar yang mengikuti program sarjana, mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) hendaklah mengandungi -
- (a) satu (1) disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang- kurangnya seorang Pemeriksa Luar dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam; dan
  - (b) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- (2) Penilaian pelajar yang mengikuti program sarjana, mod pengajian di bawah subperaturan 6(b) hendaklah mengandungi -
- (a) peperiksaan, penilaian berterusan dan/atau Peperiksaan Komprehensif mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester; dan
  - (b) satu (1) laporan projek sarjana yang akan diperiksa oleh seorang staf akademik Universiti yang dilantik oleh Fakulti/Institut.
- (3) Penilaian pelajar yang mengikuti program sarjana, mod pengajian di bawah subperaturan 6(c) hendaklah mengandungi -
- (a) peperiksaan, penilaian berterusan dan/atau Peperiksaan Komprehensif mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester; dan
  - (b) satu (1) disertasi yang akan diperiksa oleh dua (2) orang Pemeriksa, dengan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam; dan
  - (c) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (jika berkenaan).
- (4) Peperiksaan pelajar yang mengikuti program sarjana, di bawah mod pengajian subperaturan 6(d) hendaklah mengandungi-
- (a) peperiksaan/laporan bertulis, Peperiksaan Komprehensif, lisan dan klinikal/ praktikum mengenai kerja kursus yang diikutinya; dan
  - (b) satu (1) disertasi/laporan projek sarjana yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua (2) Pemeriksa; dan

- (c) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan disertasi/laporan projek sarjana di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (jika berkenaan).

### **Penilaian bagi program kedoktoran**

36. (1) Penilaian pelajar yang mengikuti program kedoktoran, mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) hendaklah mengandungi -
  - (a) satu (1) tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar; dan
  - (b) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
  
- (2) Penilaian pelajar yang mengikuti program kedoktoran, bagi pelajar mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) secara laluan industri hendaklah mengandungi -
  - (a) satu (1) tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pemeriksa Luar yang salah seorangnya hendaklah dari industri; dan
  - (b) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
  
- (3) Penilaian pelajar yang mengikuti program Ijazah Kedoktoran, bagi pelajar mod pengajian di bawah subperaturan 6(c) dan 6(d) hendaklah mengandungi -
  - (a) peperiksaan dan/atau penilaian berterusan mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester atau sesi (jika berkenaan); dan
  - (b) Peperiksaan Komprehensif (jika berkenaan); dan
  - (c) satu (1) tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam; dan
  - (d) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (jika berkenaan).

- (4) Bagi pelajar yang merupakan pensyarah/pensyarah pelatih Universiti dan penerima Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)/Biasiswa Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang Pemeriksa Luar dan seorang (1) Pemeriksa Dalam.

### **Keputusan peperiksaan lisan**

37. (1) Pelajar yang dinyatakan di bawah subperaturan 35(1) dan 36(1) adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pembetulan disertasi/tesis yang diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
  - (2) Tempoh maksimum pembetulan kali pertama adalah selama dua belas (12) bulan dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua selepas Peperiksaan Lisan Ulangan adalah tiga (3) bulan.
  - (3) Bagi pelajar yang diberi tempoh maksimum pembetulan dua belas (12) bulan pada pemeriksaan kali pertama dikehendaki menyerahkan disertasi/tesis yang telah diperbetulkan untuk tujuan pemeriksaan ulangan dan perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan.
  - (4) Pelajar yang perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan seperti yang disebut dalam subperaturan 37(3), perlu mendaftar dan dikenakan Yuran Peperiksaan Lisan Ulangan.
  - (5) Pelajar yang diberi tempoh maksimum pembetulan tiga (3) bulan pada Peperiksaan Lisan Ulangan dikehendaki menyerahkan disertasi/tesis yang telah diperbaiki untuk tujuan pengesahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
  - (6) Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon untuk tambahan masa tempoh pembetulan daripada tempoh asal yang diberikan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan tertakluk kepada maksimum tiga (3) bulan tambahan. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah sebelum tempoh maksimum pembetulan asal tamat.
  - (7) Pelajar yang gagal menyerahkan disertasi/tesis dalam tempoh maksimum termasuk tempoh tambahan, adalah dianggap "Gagal dan Tidak Layak Dianugerahkan Ijazah".
  - (8) Pemberian status "Gagal dan Tidak Layak Dianugerahkan Ijazah" hendaklah mendapat pengesahan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan sebelum dikemukakan kepada Senat.

## Pemeriksa Luar

38. (1) Pemeriksa Luar bagi pelajar program Sarjana, mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada staf akademik yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian pelajar dan pemeriksa itu sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan seperti yang berikut:
- (a) memiliki Ijazah Kedoktoran; dan
  - (b) telah menghasilkan graduan sarjana; dan
  - (c) mempunyai tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran; dan
  - (d) menunjukkan kecemerlangan akademik.
- (2) Pemeriksa Luar bagi pelajar program kedoktoran, mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada staf akademik yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian pelajar dan pemeriksa itu sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan seperti yang berikut:
- (a) seorang Profesor Madya; dan
  - (b) memiliki Ijazah Kedoktoran; dan
  - (c) telah menghasilkan graduan Doktor Falsafah; dan
  - (d) mempunyai lima (5) tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran; dan
  - (e) menunjukkan kecemerlangan akademik.
- (3) Pemeriksa Luar bagi pelajar program di bawah mod pengajian subperaturan 6(d) adalah dilantik oleh Fakulti/Institut dan telah diiktiraf sebagai 'doktor pakar' dalam bidang berkaitan terdiri daripada staf akademik atau pakar bidang yang dilantik oleh mana-mana Senat daripada universiti lain atau institusi lain dan diperakukan oleh Senat.
- (4) Pakar bidang daripada industri/institusi lain yang akan dilantik sebagai Pemeriksa Luar hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Sarjana atau lapan (8) tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Kedoktoran.



- (5) Pencalonan pemeriksa luar boleh dilakukan bermula semester tiga (3) bagi program sarjana atau semester lima (5) bagi program kedoktoran.
- (6) Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah tidak mempunyai apa-apa hubungan dan/atau kepentingan dengan pelajar.

### **Pemeriksa Dalam**

39. (1) Pemeriksa Dalam bagi pelajar program Sarjana dan Kedoktoran, di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada staf akademik dari Universiti dan dilantik oleh Dekan/Pengarah untuk menilai pencapaian pelajar seperti berikut:
  - (a) bagi pelajar program sarjana, Pemeriksa Dalam hendaklah sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan;
  - (b) bagi pelajar program kedoktoran, Pemeriksa Dalam hendaklah sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Kedoktoran atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- (2) Pemeriksa Dalam bagi pelajar program sarjana di bawah subperaturan 6(d) hendaklah dilantik mengikut bidang kepakaran dan diiktiraf sebagai 'doktor pakar' dalam bidang berkaitan oleh Dekan/Pengarah.
- (3) Pencalonan Pemeriksa Dalam boleh dilakukan bermula semester tiga (3) bagi program sarjana atau semester lima (5) bagi program kedoktoran.
- (4) Pemeriksa Dalam yang dilantik hendaklah tidak mempunyai apa-apa hubungan dan/atau kepentingan dengan pelajar.

### **Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah**

40. Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah adalah bertanggungjawab untuk menimbang keputusan peperiksaan pelajar yang mengikuti pengajian selain di bawah subperaturan 6(a) dan memperakukan kepada Senat untuk pengurniaan Ijazah.
  - (1) Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah hendaklah terdiri daripada:
    - (a) Dekan/Pengarah sebagai Pengerusi;
    - (b) Timbalan-timbalan Dekan/Pengarah;

- (c) Penolong-penolong Dekan;
  - (d) Ketua-ketua Jabatan/Pengerusi Pusat (jika berkenaan);
  - (e) Ketua dan/atau Penyelaras Program Siswazah (jika berkenaan); dan
  - (f) Wakil ahli akademik Jabatan/Pusat Pengajian (sekurang-kurangnya seorang).
  - (g) serta Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat/Institut sebagai Setiausahanya.
- (2) Dalam masa ketidakhadiran Dekan/Pengarah, seorang Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah hendaklah menggantikan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
- (3) Korum mesyuarat hendaklah 1/3 daripada ahli.

### **Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis**

41. (1) Jawatankuasa Peperiksaan Lisan bagi mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) hendaklah dianggotai:
- (a) seorang pengerusi yang terdiri daripada seorang Profesor atau Profesor Madya Universiti;
  - (b) Dekan/Pengarah atau wakilnya (jika perlu);
  - (c) Pemeriksa Dalam;
  - (d) Pemeriksa Luar; (jika berkenaan).
- (2) Profesor Madya Universiti yang dilantik sebagai Pengerusi Peperiksaan Lisan/ Disertasi perlu memenuhi syarat berikut:
- a) pernah menyelia sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar kedoktoran dengan jayanya; dan
  - b) pernah dilantik sebagai Pemeriksa Luar oleh universiti lain, selain dari UKM.
- (3) Dekan/Pengarah atau wakilnya hendaklah menjadi ahli dalam Jawatankuasa Peperiksaan Lisan jika laporan pemeriksaan tesis pelajar diberikan status "Lemah" atau jika salah seorang pemeriksa tidak hadir.

- (4) Penyelia seseorang pelajar hanya boleh turut hadir sebagai pemerhati dalam sesi Peperiksaan Lisan pelajarannya.

### Penilaian kursus

42. (1) Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kursus dan penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester termasuk peperiksaan akhir semester bagi semua mod pengajian.
- (2) Gred dan nilai gred untuk kerja kursus akan diberikan penilaian seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Lulus dengan cemerlang
A-	3.67	Lulus dengan cemerlang
B+	3.33	Lulus dengan kepujian
B	3.00	Lulus dengan kepujian
B-	2.67	Lulus
C+	2.33	Lulus
C	2.00	Lulus
C-	1.67	Gagal
D	1.00	Gagal
E	0.00	Gagal
L/K		Lulus/Kandas (bagi kursus tanpa gred)
TL		Tidak Lengkap
U		Audit
TD		Tarik Diri
SM		Sedang Maju
TP		Tanggung Peperiksaan
DK		Dikecualikan

- (3) Gred tanpa nilai adalah seperti berikut:
- (a) L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan "Lulus" atau "Kandas" sahaja;
- (b) TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang tidak dapat melengkapkan keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred;

- (c) SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu (1) semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred;
  - (d) U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, mengikuti kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan U tersebut hanya direkodkan sekiranya pelajar lulus peperiksaan kursus itu. Sekiranya gagal akan direkodkan sebagai K (Kandas);
  - (e) TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus di antara minggu kelima hingga minggu kesepuluh sesuatu semester dengan kebenaran Dekan/Pengarah tertakluk kepada Peraturan 26;
  - (f) TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah subperaturan 44(1). Peperiksaan gantian hendaklah diadakan dengan segera berdasarkan keadaan kesihatan pelajar.
- (4) Pengiraan unit dan purata nilai gred adalah seperti yang berikut:
- (a) Kursus yang didaftarkan secara wajib (W) akan diterima untuk pengiraan bagi memenuhi keperluan unit. Kursus yang didaftar secara Audit (AU), tanpa gred (L/K) atau yang menerima gred Tidak Lengkap (TL), Sedang Maju (SM), Tarik Diri (TD) atau kursus yang digugurkan, tidak akan dimasukkan dalam pengiraan unit;
  - (b) Purata nilai gred akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:
    - i) Purata Nilai Gred Semester (PNGS) iaitu jumlah Nilai Gred (nilai gred  $\times$  unit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diikuti pada setiap satu (1) semester;
    - ii) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) iaitu jumlah Nilai Gred (nilai gred  $\times$  unit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah unit bagi semua kursus dalam semua semester yang telah diikuti;

(c) Formula pengiraan bagi Purata Nilai Gred adalah seperti berikut:

$$PNG = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

$G_i$  : Nilai Gred Kursus ke  $i$

$U_i$  : Nilai Kredit Kursus ke  $i$

$n$  : Bilangan kursus yang telah diikuti

(5) Taraf pencapaian akademik dan syarat meneruskan pengajian adalah seperti yang berikut:

(a) Taraf pencapaian akademik pelajar akan ditentukan mengikut PNGK pada satu tempoh pengajian dan ditentukan seperti berikut:

Purata Nilai Gred	Taraf Pencapaian	Kelayakan Meneruskan Pengajian	Kelayakan Pengurniaan Ijazah
$PNGK \geq 3.00$	Lulus	Layak	Layak
$2.00 \leq PNGK < 3.00$	Lulus Bersyarat	Percubaan	Tidak Layak
$PNGK < 2.00$	Gagal dan Diberhentikan	Tidak Layak	Tidak Layak

(b) Pelajar hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 untuk setiap semester dan lulus semua kursus yang ditetapkan oleh program;

(c) Pelajar yang tidak dapat mencapai PNGK seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 42(5)(b) akan diberi status "Lulus Bersyarat" pada semester berkenaan dan perlu meningkatkan prestasi kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir semester berikutnya;

(d) Pelajar yang tidak dapat meningkatkan prestasinya seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 42(5)(c) akan diberhentikan daripada mengikuti program pengajiannya. Seseorang pelajar tidak akan diberi status "Lulus Bersyarat" untuk dua semester berturut-turut di sepanjang tempoh pengajiannya;

- (e) Pelajar mod kerja kursus secara bermodul dan mod 6(c) adalah dikecualikan daripada perkara yang dinyatakan dalam subperaturan 42(5)(c) dan 42(5)(d).
- (f) Pelajar mod kerja kursus secara bermodul dan mod 6(c) hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir pengajian dan lulus semua kursus yang ditetapkan oleh program untuk diberikan status “Lulus dan Layak dikurniakan Ijazah”.
- (g) Pelajar dibenarkan untuk mengulang kursus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus yang mendapat gred B- atau ke bawah. Hanya gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja diambil kira dalam PNGK sementara gred asal kursus berkenaan digugurkan.

### **Penilaian kemajuan penyelidikan**

43. Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) boleh diberikan status “Gagal dan Diberhentikan” sekiranya pelajar itu memperoleh Laporan Kemajuan Calon seperti berikut:
- (a) “dengan Ingatan” sebanyak empat (4) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
  - (b) “dengan Amaran” sebanyak dua (2) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
  - (c) gabungan dua (2) “dengan Ingatan” dan satu (1) “dengan Amaran” sepanjang tempoh pengajian; atau
  - (d) “Gagal dan Diberhentikan” pada mana-mana semester.

### **Penangguhan Peperiksaan**

44. (1) Pelajar yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan/Pengarah untuk menangguh pengambilan peperiksaan berkenaan.
- (2) Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi suatu kursus berkenaan hendaklah dibuat tidak lebih dari empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus itu diadakan.
- (3) Permohonan untuk menangguhkan daripada menduduki peperiksaan semester atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan sijil sakit atau pengesahan daripada doktor yang merawat yang hendaklah terdiri daripada pegawai perubatan Kerajaan atau Universiti.

- (4) Suatu permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan/Pengarah.
- (5) Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes tersebut.

### **Mengulang kursus atau pengajian atau menduduki peperiksaan ulangan khas**

45. (1) Pelajar yang gagal dalam kursus wajib dikehendaki mengulangi kursus tersebut. Gred kursus ulangan akan diambil kira untuk menentukan PNGK maka gred sebelumnya yang gagal akan digugurkan.
- (2) Pelajar di bawah subperaturan 6(d) yang gagal mencapai tahap memuaskan untuk setiap satu (1) tempoh penilaian hendaklah mengulang pengajian tempoh tersebut.
- (3) Pelajar yang berada di semester terakhir pengajian yang perlu melengkapkan kredit dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan khas bagi tujuan memperoleh ijazah. Peperiksaan ulangan khas hanya dibenarkan untuk satu (1) kursus yang pernah diikuti dan hanya boleh diambil sekali sahaja. Permohonan hendaklah dibuat kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran keputusan rasmi keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- (4) Gred A hingga E boleh diberikan kepada pelajar yang lulus peperiksaan ulangan khas dan gred ini akan dikira dalam menentukan PNGK pelajar. Kaedah penilaian boleh sama ada mengambil kira keseluruhan penilaian dalam komponen kursus atau peperiksaan ulangan khas secara komprehensif yang meliputi keseluruhan silibus kursus.

### **Penukaran daripada program sarjana ke program kedoktoran**

46. (1) Pelajar yang mengikuti program sarjana di bawah subperaturan 6(a) boleh memohon untuk penukaran dari program sarjana ke program kedoktoran.
- (2) Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah, dengan perakuan Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan selewat-lewatnya pada semester ketiga pengajiannya.
- (3) Satu panel penilai hendaklah dilantik dan dianggotai oleh:
  - (a) Dekan/Pengarah atau wakilnya sebagai pengerusi; dan
  - (b) Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya; dan

- (c) tiga (3) orang staf akademik Universiti dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada Profesor atau Profesor Madya; dan
  - (d) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.
- (4) Panel Penilai bertanggungjawab untuk -
- a) menilai cadangan penyelidikan dan pencapaian pelajar dalam sesi pembentangan, dan sekiranya pelajar layak, panel boleh memperakukan permohonan penukaran daripada program sarjana kepada program kedoktoran; dan
  - b) memaklumkan secara bertulis tentang penukaran program pengajian pelajar dan dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Akademik (PPA).
- (5) Tempoh pengajian bagi pelajar yang membuat pertukaran dari program sarjana kepada program kedoktoran dikira dari tarikh pendaftaran ke program sarjana dan bukan selepas pertukaran kepada program kedoktoran.

### **Peperiksaan Komprehensif**

47. (1) Pelajar program sarjana atau kedoktoran bagi program tertentu dikehendaki melengkapkan kerja kursus, kerja kursus dan praktikum atau kerja klinikal serta kajian kes dan/atau penyelidikan yang disyaratkan bagi melayakkan pelajar tersebut menduduki Peperiksaan Komprehensif.
- (2) Jawatankuasa Kecil Peperiksaan Komprehensif hendaklah ditubuhkan untuk mengendalikan semua kerja dan perkara yang berhubung dengan peperiksaan tersebut.



## **BAHAGIAN VII RAYUAN**

### **Rayuan untuk semak semula keputusan peperiksaan akhir kursus**

48. (1) Pelajar boleh membuat rayuan untuk semak semula keputusan peperiksaan akhir kursus yang telah diikutinya.
- (2) Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan.
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 48(2) tidak akan dipertimbangkan.
- (4) Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan maklumat kursus yang diminta untuk disemak semula beserta dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
- (5) Dekan/Pengarah yang menerima permohonan rayuan perlu menubuhkan Panel Pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- (6) Panel Pemeriksa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang staf akademik Universiti selain pemeriksa asal.
- (7) Perakuan Panel Pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Dekan/Pengarah dan keputusannya tertakluk kepada pengesahan Senat.
- (8) Keputusan yang disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

### **Rayuan untuk semak semula keputusan Peperiksaan Lisan disertasi/tesis**

49. (1) Pelajar boleh membuat rayuan terhadap keputusan penilaian Peperiksaan Lisan disertasi/tesisnya.
- (2) Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh penyiaran keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan.
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 49(2) tidak akan dipertimbangkan.

- (4) Setiap rayuan hendaklah menyatakan alasan munasabah untuk semakan semula beserta bayaran pemrosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
- (5) Dekan/Pengarah yang menerima permohonan rayuan hendaklah menubuhkan Jawatan kuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi. Jawatan kuasa ini hendaklah dianggotai oleh:
  - (a) seorang Profesor sebagai Pengerusi; dan
  - (b) dua (2) orang Profesor atau Profesor Madya dalam bidang berkaitan; dan
  - (c) dua (2) orang ahli lain bertaraf Profesor atau Profesor Madya; dan
  - (d) Penolong Pendaftar Fakulti/Institut sebagai urus setia.
- (6) Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi boleh menjemput Pengerusi Jawatan kuasa Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi atau wakilnya untuk turut hadir bagi mendapatkan latar belakang keputusan Peperiksaan Lisan pelajar.
- (7) Keputusan Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Dekan/Pengarah dan keputusannya tertakluk kepada pengesahan Senat.
- (8) Keputusan yang disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi pelajar di bawah subperaturan 6(b) dan 6(c)**

50. (1) Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah subperaturan 6(b) dan 6(c) dan yang telah diberhentikan dari pengajian dan diberi status "Gagal dan Diberhentikan" boleh mengemukakan rayuan sekiranya memenuhi syarat berikut:
  - (a) pelajar telah menunjukkan peningkatan prestasi akademik iaitu PNGK meningkat dan mencapai sekurang-kurangnya PNGK 2.90; dan
  - (b) pelajar boleh mengulang kursus untuk memperbaiki gred; dan
  - (c) pelajar berkemampuan memperoleh PNGK 3.00 selepas mengulangi kursus yang berkenaan.

- (2) Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran keputusan rasmi keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 50(2) tidak akan dipertimbangkan.
- (4) Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
- (5) Setiap permohonan rayuan yang diterima hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatan kuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk kelulusan Senat.
- (6) Keputusan Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

#### **Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi pelajar di bawah subperaturan 6(a)**

51. (1) Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah subperaturan 6(a) yang diberhentikan daripada mengikuti program pengajian dan diberi status "Gagal dan Diberhentikan" boleh merayu untuk meneruskan pengajian tertakluk kepada persetujuan Penyelia Utama/Pengerusi Jawatan kuasa Penyeliaan dan perakuan Dekan/Pengarah.
- (2) Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran keputusan rasmi dikeluarkan berdasarkan Laporan Kemajuan Calon (LKC).
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 51(2) tidak akan dipertimbangkan.
- (4) Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
- (5) Setiap permohonan rayuan yang diterima hendaklah diperakukan oleh Fakulti/ Institut untuk kelulusan Senat.
- (6) Keputusan Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

**Rayuan untuk meneruskan semula pengajian bagi pelajar di bawah subperaturan 6(d)**

52. (1) Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah subperaturan 6(d) dan yang telah diberhentikan dari pengajian dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan” boleh merayu untuk meneruskan pengajian dengan perakuan penyelia/Penyelaras program/Ketua Jabatan tertakluk kepada peningkatan prestasi akademik pelajar yang diperakukan oleh Jawatan kuasa Pengajian Siswazah.
- (2) Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh rasmi penyiaran dikeluarkan berdasarkan Laporan Kemajuan Calon (LKC).
- (3) Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan 52(2) tidak akan dipertimbangkan.
- (4) Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
- (5) Setiap permohonan rayuan yang diterima hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatan kuasa Pengajian Siswazah Fakulti/Institut untuk kelulusan Senat.
- (6) Keputusan Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

## **BAHAGIAN VIII SALAH LAKU PENYELIDIKAN**

### **Salah laku penyelidikan**

53. (1) Salah laku penyelidikan adalah perbuatan yang menyalahi etika penyelidikan seperti memfabrikasi, memalsu atau memplagiat dalam menghasilkan penulisan tesis, disertasi, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugasan dan hasil kajian secara sebahagian atau sepenuhnya seperti berikut:
- (a) fabrikasi adalah perlakuan mewujudkan data, merekod atau melaporkan data/keputusan yang tidak wujud;
  - (b) pemalsuan adalah perlakuan memanipulasi hasil penyelidikan atau proses atau menukar atau mengeluarkan data sehingga menyebabkan rekod penyelidikan tidak mencerminkan penyelidikan yang sebenarnya;
  - (c) plagiarisme adalah perbuatan mengambil idea, proses, hasil dapatan, penulisan, gambar atau rajah tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengaku sebagai hasil kerja sendiri.
- (2) Peraturan ini hendaklah dibaca bersama Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 (Pindaan) 2012, Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (3) Salah laku penyelidikan tidak termasuk kesilapan '*suci hati*' atau perbezaan pendapat.
- (4) Mana-mana aduan salah laku penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah menggunakan borang yang ditetapkan Universiti.
- (5) Aduan yang diterima di bawah subperaturan 53(4) akan dipertimbangkan oleh sebuah jawatan kuasa bebas untuk menentukan kesahihan salah laku berkenaan.
- (6) Pelajar yang didapati melakukan salah laku penyelidikan adalah tertakluk kepada tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan/atau tindakan lain yang ditetapkan oleh Senat.

## BAHAGIAN IX PENGURNIAAN IJAZAH

### Syarat pengurniaan ijazah

54. (1) Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(a), hendaklah -
- (a) memenuhi semua kehendak peraturan ini; dan
  - (b) lulus pemeriksaan disertasi/tesis dan Peperiksaan Lisan; dan
  - (c) memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut; dan
  - (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut; dan
  - (e) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - (f) diperakukan oleh Jawatan kuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat; dan
  - (g) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
  - (h) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(b) hendaklah -
- a) memenuhi semua kehendak peraturan ini; dan
  - b) mencapai PNGK akhir sekurang-kurangnya 3.00; dan
  - c) menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program; dan
  - d) memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut; dan
  - e) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - f) diperakukan oleh Jawatan kuasa Pemeriksa Siswazah untuk kelulusan Senat; dan

- g) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
  - h) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(c) hendaklah -
- a) memenuhi semua kehendak peraturan ini; dan
  - b) memenuhi keperluan komponen kursus dan komponen penyelidikan seperti yang ditetapkan program; dan
  - c) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut; dan
  - d) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - e) diperakukan oleh Jawatan kuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat; dan
  - f) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
  - g) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.
- (4) Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 6(d) hendaklah -
- a) memenuhi semua kehendak peraturan ini; dan
  - b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan oleh program; dan
  - c) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - d) memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut; dan
  - e) diperakukan oleh Jawatan kuasa Pemeriksa Siswazah untuk kelulusan Senat; dan
  - f) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
  - g) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.

## BAHAGIAN X AM

### Pemberhentian pelajar

55. (1) Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pelajar didapati -
- a) memberi maklumat palsu berkenaan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
  - b) dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh pakar perubatan;
  - c) gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik sepertimana yang ditetapkan Universiti;
  - d) melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah subperaturan 8(1).
- (2) Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa atau terpakai termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia 2010, Dasar Etika Integriti Penerbitan dan Penulisan Universiti Kebangsaan Malaysia dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengannya.
- (3) Mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib termasuklah mengacau ganggu atau mengancam penyelia atau urusetia siswazah, menghubungi atau mengacau ganggu atau mengancam Pemeriksa Luar dan/atau Pemeriksa Dalam berhubung dengan penilaian disertasinya/tesisnya dan/atau melakukan salah laku penyelidikan adalah tertakluk kepada tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

### Pelajar Tanpa Ijazah

56. Dekan/Pengarah diberi kuasa untuk menerima masuk seseorang sebagai Pelajar Tanpa Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Dekan/Pengarah.

### Garis Panduan

57. (1) Fakulti/Institut boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat.



- (2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.

### **Pemakaian**

58. Melainkan dengan jelasnya dinyatakan, tiap-tiap permohonan dan rayuan berkaitan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dikemukakan kepada Dekan/Pengarah.

### **Permulaan kuatkuasa**

59. Peraturan-peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap semua pelajar berdaftar pada dan selepas tarikh berkuat kuasa Peraturan-peraturan ini.

### **Kuasa Senat**

60. Senat mempunyai kuasa untuk membuat, membatalkan atau meminda peruntukan Peraturan-peraturan ini atau mengeluarkan apa-apa arahan dari semasa ke semasa bagi maksud melaksanakan fungsi dan kewajibannya.

### **Naskah Sahih**

61. Naskah Bahasa Melayu adalah naskah sah. Sebarang percanggahan yang timbul di antara kedua-duanya, maka naskah Bahasa Melayu hendaklah terpakai.

### **Pemansuhan**

62. Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015 adalah dimansuhkan.

### **Peruntukan Kecualian dan Peralihan**

Apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi di bawah peraturan yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga berkuat kuasanya peraturan ini.

Diluluskan oleh Senat Universiti Kebangsaan Malaysia pada 30 hb Mac 2021

**Jawatankuasa Semakan Peraturan-peraturan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pengajian Siswazah) 2021**

**Pengerusi**

Prof. Dr. Andanastuti Muchtar

**Ahli Jawatankuasa**

Prof. Dr. Ismail Mohd Saiboon  
Prof. Ir. Dr. Jaharah A. Ghani  
Prof. Ir. Dr. Mardina Abdullah  
Prof. Madya Dr. Abdul Munir Abd. Murad  
Prof. Madya Dr. Ermy Azziaty Rozali  
Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib Khalid  
Prof. Madya Dr. Mariyam Jameelah Ghazali  
Prof. Madya Dr. Mashitoh Yaacob  
Prof. Madya Dr. Neoh Hui Min  
Prof. Madya Dr. Rasidah Mohamad Said  
Prof. Madya Dr. Rozainee Khairudin  
Prof. Madya Dr. Shofia Ahmad  
Prof. Madya Dr. Sofiah Md. Auzair  
Prof. Madya Dr. Mohammad Faizul Nasrudin (PKP)  
Prof. Madya Dr. Zarina Othman (CITRA UKM)  
Prof. Madya Dr. Nazlina Ibrahim  
Dr. Ahmad Tarmidi Sailan  
Dr. Babul Airianah Othman  
Puan Norazlin Hassim  
Cik Suhaida Abd. Rahman  
Puan Lily Farizon Karim  
Puan Jumriah Nunurung  
Puan Siti Salwa Ahmad Zur  
Encik Ong Chang EE  
Puan Nurul Hidayatul Ashikin Mohd Falil

**Unit Kualiti dan Tadbir Urus Pusat Siswazah**

Prof. Madya Dr. Wan Hanna Melini Wan Mohtar  
Puan Rafidah Binti Hassan

